

16 NOV 2001

Mahathir-Asli

KERAJAAN JAMIN NASIB ORANG ASLI, KATA PM

KUALA LUMPUR, 16 Nov (Bernama) -- Kerajaan menjamin nasib Orang Asli di negara ini kerana mereka mempunyai hak yang tertentu yang tidak akan diabaikan, kata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

"Di negara tertentu, nasib dan hak Orang Asli mereka tidak dijamin, malah ada yang membunuh Orang Asli...mereka ditindas dan mengalami nasib yang buruk tetapi di Malaysia kita memberi perhatian khusus kepada kaum Orang Asli," katanya.

Dr Mahathir berkata kerajaan telah menubuhkan Jabatan Hal Ehwal Orang Asli (JHEOA) untuk memastikan hak dan nasib Orang Asli di Malaysia dapat dijaga dan kehidupan mereka diperbaiki.

"Ada juga orang yang berpendapat Orang Asli patut tinggal sebagai Orang Asli di hutan tanpa pendidikan dan kesihatan yang terjamin...jika jangka hayat rakyat lain ialah 70 tahun, jangka hayat Orang Asli hanya 45 tahun, kononnya budaya Orang Asli ini tidak patut diubah," katanya.

Perdana Menteri berkata demikian pada majlis penyerahan kunci rumah-rumah Orang Asli Bukit Lanjan di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata orang yang berpendapat demikian tidak sedar bahawa nenek moyang mereka juga pada suatu ketika dahulu tinggal di gua dan di hutan tetapi dapat memperbaiki nasib mereka dan sekarang cucu-cicit mereka dapat menikmati kemewahan tinggal di rumah batu.

"Tetapi mereka tidak sanggup melihat Orang Asli Malaysia menikmati kemudahan yang sama, itu satu sifat yang tamak...yang baik mereka hendak, yang buruk diberi kepada orang lain," katanya.

Perdana Menteri juga berkata adalah hasrat kerajaan supaya Orang Asli di negara ini menikmati kehidupan seperti kaum-kaum lain dan tidak terasing daripada arus perdana seperti sekarang.

Beliau mengakui proses integrasi Orang Asli dengan kaum-kaum lain di negara ini daripada segi pembangunan akan mengambil masa tetapi "masa yang lama tidak apa asalkan mereka mendapat hak yang sama dengan kaum-kaum lain."

Dr Mahathir berkata kerajaan akan terus memberi peruntukan untuk memajukan kehidupan Orang Asli supaya mereka menikmati taraf kesihatan dan pendidikan seperti rakyat Malaysia yang lain.

"Untuk memajukan Orang Asli, kita perlukan bukan sahaja peruntukkan tetapi juga usaha...menukar cara hidup dan budaya seseorang itu tidak begitu mudah tetapi ianya bukan tidak boleh dilakukan," katanya.

Dr Mahathir juga memuji Kumpulan Emkay yang telah membina 147 buah rumah Banglo dan teres untuk Orang Asli yang dahulu mempunyai penempatan di situ. Peruntukan rumah ini disediakan oleh kerajaan negeri Selangor.

"Saya harap pemaju-pemaju perumahan yang lain juga akan turut memberi sumbangan seperti ini," katanya.

-- BERNAMA

SR HK LAT